



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1986

**PINDAAN ELAUN KERAJIAN DAN BAYARAN BANTUAN SEWA
RUMAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI TINGKATAN TERTINGGI "G"
DAN KE ATAS DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8
TAHUN 1980**

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk meminda kadar Elaun Kerajaan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perenggan 2 dan 7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1980.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui Belanjawan 1987 telah menetapkan supaya kadar Elaun Kerajaan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi hendaklah dikurangkan sebanyak 10%. Selaras dengan keputusan Kerajaan tersebut maka kadar Elaun Kerajaan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah yang sedang dinikmati oleh pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas hendaklah dipinda.

KADAR BARU

3. Kadar Elaun Keraian bagi pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas adalah dipinda seperti berikut:

Elaun Keraian

<i>Tingkatan Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang Sebulan \$</i>	<i>Kadar Baru Sebulan \$</i>
Ketua Setiausaha Negara	2,500	2,250
Tingkatan Turus I (A1)	2,000	1,800
Tingkatan Turus II (A2)	2,000	1,800
Tingkatan Turus III (A3)	2,000	1,800
Tingkatan Tertinggi A (A4)	1,600	1,440
Tingkatan Tertinggi B (A5)	1,200	1,080
Tingkatan Tertinggi C (A6)	1,000	900
Tingkatan Tertinggi D (A7)	800	720
Tingkatan Tertinggi E (A8)	600	540
Tingkatan Tertinggi F (A9)	550	495
Tingkatan Tertinggi G (A10)	500	450

4. Kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah juga dipinda seperti berikut:

Bayaran Bantuan Sewa Rumah

<i>Tingkatan Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang Sebulan \$</i>	<i>Kadar Baru Sebulan \$</i>
Ketua Setiausaha Negara	2,000	1,800
Tingkatan Turus I (A1)	2,000	1,800
Tingkatan Turus II (A2)	2,000	1,800
Tingkatan Turus III (A3)	2,000	1,800
Tingkatan Tertinggi A (A4)	1,500	1,350
Tingkatan Tertinggi B (A5)	1,250	1,125
Tingkatan Tertinggi C (A6)	1,000	900
Tingkatan Tertinggi D (A7)	750	675
Tingkatan Tertinggi E (A8)	600	540
Tingkatan Tertinggi F (A9)	450	405
Tingkatan Tertinggi G (A10)	350	315

TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh kuatkuasa kadar baru bagi Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah di perenggan 3 dan 4 di atas adalah mulai 1hb Januari, 1987.

PEMAKAIAN PEKELILING INI

6. Peruntukan dalam Pekeliling ini juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri-negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, perenggan 2 dan 7 di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1980 adalah dibatalkan.

AM

8. Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Pengurus Kerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan kadar baru bagi kedua-dua elaun dan bayaran tersebut di dalam perenggan 3 dan 4 dalam Pekeliling ini. Sekiranya ada sebarang keraguan, maka penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

TAN SRI ROZHAN KUNTOM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.
27hb November, 1986

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.